

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**  
**TARIKH** : **17.6.2014**  
**SOALAN** :

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah langkah yang di ambil untuk menyediakan kemahiran Industri Perkapalan dan Petroleum di peringkat teknikal dalam bidang ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum akan keperluan tenaga kerja dalam industri perkapalan dan petroleum. Keperluan ini juga selaras dengan keperluan yang digariskan di dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Sehubungan dengan itu, pada peringkat persekolahan, KPM telah menawarkan bidang industri perkapalan dan petroleum di Kolej Vokasional. KPM juga menjalankan program ini di Institusi Latihan Kemahiran Swasta menggunakan konsep "*buying places*". Program yang ditawarkan ialah bidang Kejuruteraan Kapal, Teknologi Marin dan Pengajian Nautikal. Pada tahun 2014, seramai 300 orang pelajar sedang mengikuti kursus ini.

Bagi bidang petroleum pula, KPM melalui kolaborasi dengan Institusi Latihan Kemahiran Awam telah menawarkan kursus petroleum di Institut Latihan Perindustrian Kota

Samarahan, Sarawak selain daripada. KPM kolaborasi bersama Shell di KV Miri dan KV Bintulu dalam bidang kimpalan untuk diserap masuk dalam industri petroleum.

Pada peringkat pengajian tinggi pula KPM telah mengambil langkah dalam menawarkan program-program berkaitan dengan pengajian perkapalan dan petroleum di institusi pengajian tinggi. Antara IPT yang menawarkan pengajian dalam bidang Perkapalan dan Petroleum seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Politeknik Kuching.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, politeknik pula telah melaksanakan program pengajian peringkat diploma dalam bidang kejuruteraan perkapalan. Program Diploma Kejuruteraan Perkapalan mula ditawarkan di Politeknik Ungku Omar sejak tahun 1972. Program dilaksanakan dengan kerjasama *Japanese International Corporation Agency* (JICA), sebuah agensi dari negara Jepun di bawah geran Rancangan Colombo. Sehingga kini, lebih 1,500 lulusan program perkapalan telah berkhidmat dalam industri tersebut.

Manakala, program pengajian bidang petroleum di politeknik telah diperkenalkan di peringkat sijil di Politeknik Kuching Sarawak sejak tahun 1990 bagi menyokong pertumbuhan industri petroleum negara. Sejak tahun 2010, program ini dinaik taraf menjadi Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) mengikut perkembangan industri. Dijangka, mulai tahun 2017, Politeknik Pagoh Johor akan menawarkan program Kejuruteraan Petroleum apabila kampus tetap politeknik tersebut disiapkan.

Dalam menghasilkan program pengajian yang berkualiti dan merangkumi aspek struktur program yang tersusun di Kolej Komuniti, sistem pembelajaran dan pengajaran yang terkini dan menitik beratkan kebajikan pelajar, tiga strategi dikenalpasti bagi mencapai hasrat ini, iaitu:

- a. Pemerksaan kurikulum bagi program Sijil Kolej Komuniti (SKK) dan Sijil Modular Kebangsaan (SMK),

- b. Penambahbaikan kaedah pembelajaran, dan
- c. pengajaran serta penyediaan laluan melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi

Sehingga Disember 2013, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) telah menjalinkan kerjasama dengan 68 buah syarikat swasta bagi melahirkan graduan Kolej Komuniti yang bertaraf global dengan tumpuan bidang berkaitan perkapalan dan petroleum.

Rjm94